

Ziarah harmoni lawat rumah agama

Program sehari anjuran Macma Terengganu, Persatuan Darul Fitrah itu disertai 80 peserta

■ NORHAZIZA MUSA

KUALA TERENGGANU

- Persatuan Cina Muslim Malaysia (Macma) Negeri Terengganu dan Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu telah mengadakan Program Ziarah Harmoni di empat buah rumah agama sekitar Kuala Terengganu.

Pengerusinya, Norhana Abdullah berkata, lawatan sehari itu bermula di Persatuan Buddha Terengganu bertempat di Balik Bukit, Kuil Sri Kali Kanda Nayagan di Jalan Cherong Lanjut, Kuala Terengganu, Masjid Abidin atau Masjid Puteh dan Gereja Catholic Mission Terengganu, Jalan Sultan Omar.

"Alhamdulillah, Macma Terengganu dan Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu telah mengada-

kan program ziarah harmoni ke empat buah rumah agama sekitar Kuala Terengganu.

"Lawatan multi-agama ini telah disertai oleh 80 orang peserta termasuk ahli persatuan, pensyarah, siswa dan siswi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), serta rakan-rakan Cina dan India.

"Di setiap lokasi lawatan, kami telah disambut dengan mesra dan dibawa melawat sekitar bangunan. Kami juga mendengar perkongsian ringkas tentang agama masing-masing serta berpeluang bersoal jawab dengan wakil setiap agama," katanya.

Menurutnya, rata-rata peserta program tidak pernah melawat rumah agama pengikut agama lain dan pengalaman ini telah memberi pe-



Norhana (tengah) bergambar bersama peserta di hadapan rumah Persatuan Buddha Terengganu di Balik Bukit.

luang kepada mereka untuk mengenali dan memahami perbezaan agama dan budaya yang ada.

"Kita mungkin berbeza dari segi kepercayaan dan cara sembahyang, namun semua agama memberi panduan bagaimana mahu menjadi

manusia yang baik dan hidup bersama dalam masyarakat berbeza agama, kaum dan tradisi.

"Mesej keharmonian ini diberi penekanan sepanjang lawatan berlangsung. Kami percaya, nilai persamaan ini perlu diterjemahkan dalam

kehidupan sehari-hari, pengaruh pelbagai agama dan kaum berkerjasama mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni," katanya.

Norhana turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Persatuan Buddha Terengganu, Persatuan Hindu

Terengganu, Masjid Abidin dan Gereja Catholic Mission di atas layanan dan kerjasama dalam menjayakan program ini, serta merealisasikan misi persatuan dalam memupuk hubungan persaudaraan antara rakan dan jiran pelbagai agama dan kaum.